

18/06/1999

Wanita paksi kekuatan parti

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Wanita Umno harus menjadi paksi kekuatan parti bagi memastikan wawasan untuk mencapai status negara maju pada alaf akan datang menjadi kenyataan, kata ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Menurutnya, sebarang tindakan yang boleh memesongkan Wanita Umno dari landasan sekarang, hanya memberi kesempatan kepada pembangkang untuk memperalatkan wanita bagi kepentingan agenda mereka.

Justeru, beliau meminta ahli pergerakan itu supaya lebih patriotik dan mengutamakan kepentingan negara jika mahu Umno terus menjadi peneraju utama kerajaan pada alaf akan datang.

"Wanita, selaras dengan fungsi mereka sebagai ibu dalam sesebuah rumah tangga boleh menjadi faktor menstabilkan parti. Wanita Umno memanglah ahli paling setia kepada Umno dan negara.

"Kami berpegang teguh kepada prinsip bahawa pemimpin datang dan pergi, tetapi Umno tetap kekal kerana jasanya membawa kemajuan dan kemakmuran rakyat.

"Kesinambungan kestabilan ini adalah kunci keupayaan Umno mendapat mandat rakyat. Tunjang perjuangan Umno ialah kepentingan rakyat," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di perhimpunan agung pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Siti Zaharah melahirkan rasa terkejut Wanita Umno terhadap sikap parti pembangkang tertentu yang berani menafikan penyertaan wanita dalam struktur politik.

Menurutnya, pihak terbabit nyata tidak memerlukan sokongan wanita dan tidak menyedari kuasa 'majoriti senyap' di kalangan wanita yang boleh menentukan kemenangan pada setiap pilihan raya.

"Tidak syak lagi mereka bukan hanya membelakangkan wanita dan tidak tahu menilai serta menghargai sumbangan wanita, malah sengaja mahu menidakkan segala perjuangan Wanita Umno sebelum ini," katanya.

Beliau juga meminta ahli pergerakan itu menginsafi perjuangan untuk bangsa, agama dan negara hanya datang dari kesedaran yang mendalam.

Menurutnya, Wanita Umno harus berfungsi untuk ingat mengingati dan menumpu kepada perspektif serta visi yang lebih luas tanpa mengorbankan asas ekonomi dan kestabilan negara.

"Kita harus mendukung hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menerajui suatu perjuangan yang bukan hanya mementingkan rakyat tetapi turut mempertahankan maruah negara," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, perjuangan yang memberi tumpuan kepada rakyat memerlukan sikap ikhlas dan perhatian berat.

Oleh itu, katanya, Wanita Umno mahu pemimpin menunjukkan sikap lebih terbuka, saksama dan meletak kepentingan negara melebihi kepentingan individu.

"Pergerakan Wanita Umno menolak sebarang pemimpin yang menerapkan taktik fitnah, menghasut, berselindung di belakang tabir agama serta mahligai akademik atau menggunakan politik wang secara berleluasa," katanya.

Dr Siti Zaharah turut menggesa generasi muda bersemangat cintakan negara yang lebih jitu, bukannya sekadar membuat laungan kosong.

"Apa yang sudah berlaku kepada minda generasi Melayu sehinggakan orang muda dan yang masih di bangku sekolah kelihatan seperti tidak peka kepentingan dan erti perjuangan Melayu serta Umno?

"Apakah mereka lupa bahawa kalau tidak kerana Umno, tidak akan termimpi

oleh kita semua untuk mengecap nikmat pembangunan seperti yang ada hari ini?

"Tidakkah mereka sedar bahawa sesuatu yang indah, berharga dan maju serta canggih tidak mungkin datang bergolek ibarat bulan jatuh ke riba?" katanya.

Bagi menangani masalah mahasiswa yang kini ramai bersikap seperti 'kacang lupakan kulit', Dr Siti Zaharah menyarankan kerajaan menyediakan peruntukan lebih besar untuk Skim Bantuan Kewangan Pendidikan dengan menjadikan pelajar dari keluarga daif sebagai kumpulan sasar.

Beliau turut mendesak golongan akademik dan intelek supaya berganding bahu dengan kerajaan untuk mengorak langkah positif bagi membina pembangunan sumber warga muda yang lebih bertanggungjawab.

(END)